

## TIPS PENJAGAAN LANDSKAP

**PENYIRAMAN** Penyiraman dilakukan untuk memastikan jumlah air yang mencukupi untuk diserap oleh tisu tumbuhan. Persoalannya, bagaimana anda mengetahui bila dan berapa banyak air diperlukan oleh setiap pokok? Kita tahu bahawa pokok memerlukan air untuk hidup, tetapi terlalu banyak air boleh menjejaskan pertumbuhan pokok. Dengan ini kita perlu tahu jenis pokok yang ditanam, sesetengah pokok memerlukan sedikit air manakala ada yang memerlukan air dengan banyak. Contohnya pokok *Bougainvillea* spp. (bunga kertas) tidak memerlukan air yang banyak, oleh itu penyiraman kawalan perlu dilakukan. Selain dari ini, jenis tanah dan keadaan cuaca juga memainkan peranan penting dalam menentukan kuantiti air yang diperlukan. Tanah yang mengandungi liat yang banyak memerlukan sedikit air kerana liat boleh memegang air. Manakala tanah yang berpasir memerlukan air yang banyak. Dalam keadaan cuaca yang panas terik, lebih banyak air diperlukan. Penyiraman tidak diperlukan selepas hujan lebat. Secara umumnya, penyiraman dibuat dua kali sehari. Waktu yang sesuai untuk dibuat penyiraman ialah sebelah pagi, selok-eloknya sebelum 11.00 pagi dan antara 3.30 hingga 7.00 petang untuk penyiraman kedua. Elakkan penyiraman di waktu tengahari.

### PEMANGKASAN

Pemangkasan menyebabkan stres, jangan pangkas jika tidak ada tujuan spesifik atau tanpa ide kesannya. Tujuan dibuat pemangkasan adalah seperti berikut:

- Kesuburan
- Rupabentuk
- Keselamatan
- Pengeluaran bunga dan buah

Pemangkasan yang betul boleh mencantikkan pokok. Manakala pemangkasan yang salah menyebabkan pokok hilang kecantikan, bentuk atau akan rosak. Memotong dahan yang mati atau cedera serta membuang tunas air adalah satu tujuan pemangkasan untuk kesuburan pokok. Membuat pemangkasan untuk mengekalkan saiz dan bentuk pokok boleh mencantikkan rupabentuk pokok itu. Memotong bahagian pokok yang mengganggu laluan utiliti atau bangunan adalah untuk menjaga keselamatan pengguna atau penghuni. Pemangkasan dapat menggalakkan pertumbuhan tunas baru dan menambahbaik kualiti dan kuantiti bunga.

Untuk menjalankan kerja pemangkasan, peralatan khas seperti gergaji atau secateur yang tajam hendaklah digunakan. Pemilihan peralatan yang betul sangat penting untuk menentukan kerja pemotongan dibuat dengan sempurna. Semasa pemangkasan, pastikan potongan adalah licin dan bersih. Jangan tinggal tunggul dahan dan elak dari kulit terserkah.

### PEMBAJAAN

Baja penting untuk tumbesaran pokok. Ramai berandaian bahawa lebih banyak baja digunakan, pokok akan tumbuh dengan lebih subur. Sebenarnya kegunaan baja yang berlebihan boleh menjejaskan kesuburan pokok dan mungkin boleh menyebabkan pokok mati. Sebaliknya kekurangan nutrien akan menyebabkan pokok terbantut dan tidak subur. Dengan ini, kadar baja yang betul amat penting untuk mengelak dari pembaziran serta menjamin tumbesaran dan pengeluaran bunga yang sihat.

Baja boleh dikategorikan kepada dua iaitu organik dan in-organik. Bentuk baja yang terdapat di pasaran adalah:

- Baja butiran yang lengkap dengan nutrien NPK
- Baja cecair yang lazimnya disembur ke permukaan daun
- Baja debu yang digaul dalam tanah campuran atau ditabur atas tanah
- Baja yang dikeluarkan secara perlahan-lahan (slow release)

Terdapat berbagai jenis dan jenama yang terdapat di pasaran. Secara umumnya, kadar baja dan masa pembajaan adalah lebih kritikal dari jenis baja yang akan digunakan.